

UCAPAN ALUAN OLEH YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HAJI MOHD. ALI  
YANG DIPERTUA BAKTI  
DI PERASMIAN MESYUARAT AGUNG BAKTI YANG KE-11  
DI SRI PERDANA, KUALA LUMPUR  
PADA HARI SELASA, 28HB. JUN, 1988  
PUKUL 3. 30 PETANG

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Saudari-saudari dan saudara yang saya hormati.

Sekali lagi saya mengucapkan penghargaan dan terima kasih kerana sudi hadir untuk Mesyuarat Agung BAKTI yang ke-11 ini.

2. Saya percaya semua telah diberi Laporan Tahunan BAKTI di mana semua kegiatan BAKTI sepanjang sesi 87/88 dijelaskan. Oleh itu, saya tidak bermaksud mengulas laporan-laporan itu hanya mengharapkan saudari-saudari dan saudara membacanya dengan teliti dan memberi komen-komen yang membina atasnya sebentar lagi.

3. Saya juga berharap saudari-saudari akan memberi cadangan-cadangan baru untuk Jawatankuasa Tadbir baru melaksanakan nanti bagi sesi 88/89. Pada sesi 87/88,

... penyertaan/-

penyertaan ahli-ahli dalam BAKTI tidak 100% seperti yang diharapkan dan didapati tugas-tugas yang tertentu dijalankan oleh ahli-ahli itu juga yang sudah memegang jawatan-jawatan yang lain. Ini bermakna kemungkinan sebahagian ahli-ahli ingin melepaskan tanggungjawab atau tidak yakin membuat sesuatu.

4. Masalah seperti ini tidak akan timbul sekiranya ahli-ahli hadir bermesra antara satu dengan lain setiap kali dijemput untuk hadir.

5. Mesyuarat-mesyuarat BAKTI tidak bertujuan membuang masa dengan perbualan-perbualan yang tidak berfaedah

**...tetapi/-**

tetapi sebaliknya untuk menentukan rancangan-rancangan yang ditetapkan sepanjang tahun dan membuat keputusan perkara-perkara yang berkaitan dengan kewangan BAKTI. Juga mesyuarat-mesyuarat penuh BAKTI diadakan untuk memberi penjelasan kepada semua ahli-ahli BAKTI dan ahli bersekutu BAKTI serta menentukan peranan masing-masing dalam sesuatu kegiatan. Ini penting kerana kalau tidak ada mesyuarat-mesyuarat sedemikian, ahli-ahli tidak akan tahu dan faham tugas masing-masing.

6. Hari ini kita akan memilih Jawatankuasa Tadbir bagi sesi 88/89. Terpulang kepada saudari-saudari ahli-ahli BAKTI memilih siapa yang patut duduk dalam Jawatankuasa Tadbir

... Ini/-

ini. Saya harap ahli-ahli tidak ragu-ragu untuk memilih mereka yang berkebolehan untuk dipertanggungjawabkan tugas-tugas yang tertentu. Saya berharap juga ahli-ahli yang baru dan muda tampil ke hadapan untuk bersama-sama menguruskan pentadbiran BAKTI.

7. Akhirnya, saya peringatkan saudari-saudari sekalian kepada Majlis Jamuan Malam Amal BAKTI pada 2hb. Julai, 1988 di mana saya yakin semua ahli-ahli bersama suami akan hadir.

8. Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir 87/88 kerana menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan efisien dan licin,

... kerana/-

kerana itulah tugas-tugas saya menjadi ringan.

9. Selamat bermesyuarat dan saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala merestui mesyuarat kita ini serta apa juga yang kita putuskan nanti, insya-Allah.

10. Dengan doa ini, saya menjemput saudari-saudari dan saudara ke agenda yang ke 2 dan lain-lain nanti untuk kita membincangkan bersama.

Sekian, terima kasih.